

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 15 RABU 15 APRIL, 1970

1300 رابو 8 صفر 1390 PERCHUMA

Majlis Mashuarat Negeri di-bubarkan

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Negeri telah di-bubarkan pada hari Ahad, 12 April lepas menurut shariat2 Bab 55 dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Perlembagaan mengkehendaki supaya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengambil tindakan ini ketika tamat tempoh lima tahun dari mula2 majlis itu bersidang.

Majlis Mashuarat Negeri yang mempunyai 10 orang ahli yang di-pilih sa-lain dari ahli2 kerana jawatan dan yang di-lantek telah bersidang buat pertama kali-nya pada 14 April, 1965.

Satu kenyataan yang di-ke-luarkan oleh Kerajaan berkata, Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurnia sukachita membuat shariat2 baru bagi penubuhan semula Majlis Mashuarat Menteri2 dan Majlis Mashuarat Negeri menurut shariat2 Bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Kenyataan itu berkata, Majlis Mashuarat Negeri yang baru itu akan mengandungi enam orang ahli rasmi kerana jawatan, lima orang ahli rasmi dan sa-puluh orang ahli yang di-lantek.

Ahli2 kerana jawatan itu ialah Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Uagama.

Lima orang ahli rasmi ia-lah orang yang menyandang jawatan Kerajaan dan sa-puluh orang ahli yang di-lantek itu ia-lah orang2 yang tidak menyandang jawatan Kerajaan.

Kenyataan itu selanjut-nya berkata, persidangan pertama bagi musim Permarshuaratan Majlis Mashuarat Negeri yang baru akan di-adakan tidak berapa lama lagi menurut shariat2 Bab 52 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 dan masa-nya ia-lah sa-bagaimana yang akan di-tetapkan oleh Baginda dengan Kenyataan yang di-siarkan dalam Warta Kerajaan.

RUNDINGAN BRUNEI/BRITAIN: CHADANGAN2 D.Y.M.M. SULTAN AKAN DI-KAJI

BANDAR BRUNEI. — Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Commonwealth, Lord Shepherd yang tiba di-Brunei pada 3 April lepas kerana mengadakan perundingan dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah pulang ka-London pada minggu lepas. Satu kenyataan yang di-ke-luarkan oleh kerajaan berkata:

"Lord Shepherd melawat Brunei kerana meneruskan perundingan yang telah di-adakan dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan penasehat2-nya di-London pada penghujung tahun lepas.

Pertukaran2 pendapat selanjut-nya telah di-adakan dan Lord Shepherd telah pulang ka-London di-mana kerajaan Baginda Queen akan menimbang-chadangan2 yang tertentu yang telah di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan."

HAKIM BESAR ANGKAT SUMPAH

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melantek Sir Ivo Charles Clayton Rigby sa-bagai Hakim Besar Mahkamah Tinggi Brunei yang baru.

Satu upacara mengangkat sumpah telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada hari Khamis lepas.

Sir Ivo Charles Clayton Rigby di-lantek bagi menggantikan Dato Setia Sir Michael Hogan yang telah bersara awal tahun ini.

Untuk memulakan tugas-nya yang pertama sa-bagai Hakim Besar Brunei, Sir Ivo telah mempergunakan satu pembicaraan di-Mahkamah Tinggi di-Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

D.Y.M.M. akan merasmikan Kursus Uagama

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Kursus Guru2 dan Pegawai2 Uagama kali yang ke-lapan pada hari Sabtu 18 April ini.

Kursus yang akan berlangsung selama sa-minggu itu akan di-adakan di - Sekolah

Menengah Arab Hassanah Bol-kiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit Bandar Brunei.

Antara pembesar2 negara yang akan hadir dalam upacara pembukaan rasmi itu termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran

Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Lebih dari 300 orang guru2 besar dan guru penolong kanan, dan guru2 yang mengajar di-kelas2 menengah dan persediaan Arab, serta pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Uagama akan menghadiri kursus tersebut.

Penyelenggara Muzium, P. M. Sharifuddin menerangkan sa-suatu kapada, Dato Sir Dennis White, Wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom (di-tengah2) apabila beliau melawat ka-Muzium itu pada minggu lepas. Di-sebelah kanan ia-lah Awang Lim Jock Seng, Penolong Penyelenggara Muzium.

Dato Sir Dennis White yang di-sertai oleh Dato Neil Lawson juga telah melawat bangunan baru muzium di-Kota Batu. — Gambar Muzium.



TANYA JAWAB DENGAN PENGARAH DBP TENTANG PENERBITAN BUKU2 SAINS

Tanya: Dapatkah Pehin terangkan tujuan penting DBP menerbitkan buku2 yang berchorak sains ini?

Jawab: Tujuan penting Jabatan saya menerbitkan buku2 yang berchorak sains, antara lain-nya ada dua:

Pertama: kita sadar yang buku2 yang berchorak sains dalam bahasa Melayu amat sedikit jumlah-nya. Tambahan lagi, dari jumlah yang sedikit ini, ada pula di-antara buku2 tersebut yang tidak begitu sesuai dengan iklim dan kehendak2 negeri kita. Jadi-nya, sa-lain daripada untuk menambah jumlah bahan2 bacaan yang berchorak sains, Jabatan saya juga berusaha memilih bahan2 bacaan yang sesuai dengan kehendak dan iklim negeri Brunei

Kedua: benda2 yang di-sakeliling kehidupan kita ini sa-benar-nya mempunyai unsur2 sains. Benda2 ini kita lihat dan temui sa-tiap hari, dan ia-nya kita sifatkan sa-bagai benda biasa tanpa soal. Tetapi dalam Ilmu Sains ada-lah di-galakkan sa-saorang itu untuk menyoal, untuk menimbulkan naluri ingin-tahu-nya. Umpama - nya, apabila sa-orang murid melihat sa-ekor binatang yang berkaki empat ia harus menyoal: "Apakah itu?", "Apa di-buat-nya?", "Bagaimana kerja-nya?" dan sa-bagai-nya. Tujuan ini-lah yang hendak di-chapai dengan penerbitan buku2 sains ini, ia-itu untuk membangun dan membiakkan dalam diri murid2 untuk belajar melalui naluri ingintahu-nya sendiri.

Tanya: Dapatkah Pehin menerangkan kandungan buku2 'Menjelajah Sains' siri pertama dan buku2 'Mari Belajar Sains' yang berjumlah 10 siri itu?

Jawab: Sa-chara ringkas dapat-lah saya terangkan sa-perti berikut:

Kandungan buku "Menjelajah Sains" siri Pertama ia-lah untuk mengajak murid2 untuk memerhatikan benda2 di-sakeliling-nya ia-itu di-dalam bilek-darjah, di-dalam taman sekolah dan di - dalam rumah. Kemudian, murid2 itu diajak pula untuk membahagikan benda2 yang di-lihat-nya itu kepada Benda-hidup dan Benda-bukan-hidup. Umpama-nya binatang dan tumbuh2-an termasuk ka-dalam Benda-hidup, dan meja serta kerusi termasuk ka-dalam Benda-bukan-hidup. Sa-lepas itu, Benda-hidup ini ia-itu Bintang dan Tumbuh2an, di-pecahkan pula kepada bahagian2 lain. Umpama-nya, apa-kah benda2 yang di-perlukan oleh binatang dan tumbuh2an untuk hidup? Di-mana dan mengapa binatang membuat kediaman? Mengapa tumbuh2an mempunyai bermacam2 bentuk dan ukoran, dan sa-bagai-nya.

Mengenai buku2 "MARI BELAJAR SAINS" yang ber-



jumlah 10 siri itu, sa-tiap buku mengandungi satu unsur alam yang berkait rapat dengan pengkajian Ilmu Sains. Buku pertama menghuraikan mengenai Bintang dan Planet, buku kedua mengenai Atom, buku ketiga mengenai Chahaya, buku keempat mengenai Geravititi, buku kelima mengenai Kemagnetan, buku keenam mengenai Kuasa Letrik, buku ketujuh mengenai Bunyi, buku kedelapan mengenai Galaksi, buku kesembilan mengenai Radio Aktiviti, dan buku kesepuluh mengenai Molikul. Semua unsur alam ini ada-lah perlu di-ketahui bukan saja oleh pelajar2 di-bangku sekolah malah oleh semua orang yang ingin mengetahui susok bentok Alam yang kita diami ini.

Tanya: Adakah buku2 itu dikarang khas oleh pegawai2 DBP atau terjemahan dari buku2 Inggeris. Dan dapatkah Pehin terangkan kesulitan2 yang di-hadapi?

Jawab: Terlebih dahulu perlu saya terangkan bahawa buku2 sains yang di-terbitkan oleh Jabatan saya itu ada-lah dalam bentuk terjemahan; bentok asal-nya dalam bahasa Inggeris. Ada tiga perkara penting dalam kerja menterjemah; pertama si-penterjemah mesti-lah faham dengan bahasa yang hendak di-terjemahkan-nya itu; kedua si-penterjemah mesti-lah faham dengan bahasa terjemah-

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Gambar bawah: bentok kulit luar buku2 sains yang di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.



Jawab: Buku "Menjelajah Sains" siri pertama sudah pun di-edarkan ka-sekolah2 di-negeri ini, dan buku2 "Mari Belajar Sains" yang mengandungi 10 siri itu akan di-edarkan tidak beberapa lama lagi.

Tanya: Adakah buku2 ini menurut pandangan Pehin, sesuai juga untuk bacaan orang2 dewasa?

Jawab: Saperti saya katakan awal2 tadi, ada-lah besar faedah-nya sa-kira-nya orang ramai dapat memahami apa yang di-sebut Ilmu Sains itu. Walau pun buku2 ini di-ran-chang untuk keperluan anak2 sekolah, tidak-lah menjadi kerugian kalau ia-nya di-bacha oleh orang2 dewasa, umpama-nya orang2 yang belajar di-kelas2 dewasa. Buku2 ini boleh di-dapati di-kedai2 buku dengan harga yang telah di-tetapkan.

Tanya: Adakah DBP akan menerbitkan buku2 yang berchorak sains ini di-masa yang akan datang?

Jawab: Sa-tiap ranchangan penerbitan di-Jabatan saya ada-lah di-sesuaikan dengan kemampuan yang ada. Tertak-luk kepada perkara ini, tentu sa-kali Jabatan saya sedang dan akan berusaha untuk menerbitkan buku2 sains dari sa-masa ka-samasa.

Tanya: Sa-lain dari itu, dapatkah Pehin terangkan lain2 buku yang akan di-usahakan oleh DBP?

Jawab: Ada-lah sukar untuk membentangkan satu persatu tentang buku2 yang sedang di-usahakan oleh Jabatan saya, kerana usaha itu ada dalam berbagai peringkat. Umpama-nya, siri buku "Menjelajah Sains", siri kedua dan ketiga sudah dalam perchetakan, dan siri keempat, kelima dan keenam masih dalam peringkat semakan. Sa-lain dari itu ada beberapa buah buku lagi yang sedang giat di-usahakan, baik buku2 yang berchorak sains mau pun buku2 berchorak sastera.

Tanya: Adakah buku2 ini nanti akan di-jadikan buku2 teks di-sekolah2 di-negeri ini?

Jawab: Samada buku2 tersebut di-jadikan buku2 teks atau sa-balek-nya, tidak-lah dapat saya menentukan. Jabatan saya ada-lah sentiasa berusaha untuk menerbitkan buku2 yang menilai tinggi, serta di-sesuaikan pula dengan iklim dan kehendak2 negeri kita.

Tanya: Walau bagaimana pun, adakah pehak DBP mengedarkan buku2 itu ka-sekolah2 di-negeri ini?

KHUTBAH JUMA'AT

SA-BAGAI mana di-ketahui bahawa rumah tangga ada-lah satu tempat yang di-anggap sa-bagai sa-buah negara yang kecil yang terdiri dari ketua hingga kapada pekerja2 biasa. Oleh itu saugia-lah kita berhati2 dalam membentok kehidupan rumah tangga, kerana pengertian rumah tangga bukan-lah terdiri dari dinding2 atau lantai2 atau alat perhiasan rumah itu sahaja, tetapi rumah tangga yang sebenar terdiri dari satu keluarga yang mengandongi suami, isteri, anak2 dan keluarga di-rumah itu.

Rumah tangga yang baha-gia ada-lah kejayaan dari suami isteri memimpin anak2 dan keluarga di-jalan hidup yang sempurna, kuat dalam Ugama-nya, terator kewangan-nya, baik pergaulan-nya dan berjaya dalam pelajaran sentiasa dalam persiapan untuk menghadapi hari yang akan datang dalam soal2 hidup atau pelajaran anak2.

Kita sa-bagai sa-orang yang telah beriman kepada Allah dan berUgama Islam, hendak-nya hidup dan mati kita sen-

tiasa dalam Islam, jangan-lah kita hanya bernamakan Uga-ma Islam, tetapi perbuatan atau kelakuan kita di-peng-aruhi oleh alam di-sekeliling yang bertentangan dengan Ugama Islam.

Kita hidup di-dunia ini ti-dak-lah sunyi daripada bergaul dengan masharakat yang bu-kan Islam yang mempunyai berlainan ke-perchayaan dan adat resam mereka. Ini ada-lah sa-bagai ujian ka-atas umat Islam sendiri, sa-bagai mana yang telah di-terangkan oleh Allah di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Dia-lah (Tohan) yang telah menjadikan kamu, sa-tengah

ANAK2 AKAN MENCHONTOHI PERBUATAN IBU-BAPA

daripada kamu orang kafir, dan sa-tengah daripada kamu orang Islam dan Allah melihat apa yang kamu kerjakan".

Oleh itu tiap2 suami yang bertanggung - jawab terhadap isteri, anak2 dan orang2 di-bawah-nya, terhadap Ugama-nya, makan minum-nya, pela-jaran-nya dan sa-bagai-nya, te-tapi segala perbuatan dan ke-sempurnaan hidup rumah tan-gga itu hendak-nya jangan ke-terlalu atau sa-balek-nya. Dengan lain perkataan mem-belanjakan untuk kehidupan sa-hari2 jangan-lah terlalu bo-ros atau 'minat' sa-bagaimana maksud sa-buah hadith yang berarti:

"Sa-baik2 pekerjaan itu ia-lah sedarhana".

Dan di-dalam suatu hadith yang lain ada menyatakan yang bertujuan:

"Dan jangan-lah jadikan tangan engkau di-tengkok engkau, dan jangan-lah engkau bukakan sa-luas2-nya supaya engkau tidak di-hina dan seng-sara".

Dari sini fahamlah kita ba-hawa ibu-bapa di-dalam sa-buah rumah tangga itu sa-bagai gambaran pertama yang di-lihat dan di-chontohi oleh anak2, sa-kira-nya gambaran itu baik, maka sudah tentu-lah memberi kesan yang baik pula, sa-balek-nya kalau gam-baran itu burok, maka sudah tentu-lah burok pula kesan-nya terhadap anak2-nya.

Kita tidak mahu mendengar manakala di-tanya kapada anak2 tentang mengapa kamu tidak bersembahyang?

Maka jawab-nya: "ibu bapa ku di-rumah pun tidak sem-bahyang juga!"

Atau mengapa tidak ber-puasa?

Manakala jawab-nya: **"ibu bapaku pun tidak berpuasa!"** Ini-lah yang selalu terjadi di-dalam melateh peribadi dan kelakuan anak2 yang terdapat di-rumah tangga.

Dalam ayat Al-Quran Al-Karim surah Al-Tahrim ayat enam ada menyatakan yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang ber-iman, pelihara-lah diri mu dan kaum keluarga mu dari api neraka, kayu pembakar-nya ada-lah manusia dan batu2, di-situ ada malaikat yang ke-ras dan kuat, mereka tiada menderhakai Tohan mengenai apa yang di-perentahkan ka-pada mereka dan mereka me-laksanakan (menurut sa-mesti-nya) apa yang di-perentahkan kapada mereka".

Oleh itu mari-lah kita ber-sama2 menginsafi keadaan ma-sharakat bangsa kita di-dalam hidup rumah tangga dan ber-sama2 kita mengambil berat terhadap keluarga supaya kita dan kaum keluarga terlepas dari sengsara hidup di-dunia dan mendapat balasan baik di-akhirat, amin ya rabbul ala-min.

Pendaftaran anak2 ka-sekolah2 Melayu di-tutup 31 Mei

BANDAR BRUNEI. — Jaba-tan Pelajaran telah mengingat-kan ibu2 bapa supaya men-daftarkan anak2 mereka yang di-lahirkan sa-belum 1 Julai, 1965 untuk masuk belajar ka-sekolah2 rendah Melayu pada tahun hadapan.

Sa-orang juruchakap Jaba-tan Pelajaran berkata, pendaf-

taran itu, boleh di-buat kapada guru besar sekolah yang ber-hampiran dengan rumah mere-ka sa-belum 31 Mei itu.

Langkah menjalankan pen-daftaran awal ini ia-lah untuk memberikan kemudahan bagi menempatkan kanak2 itu, apa-bila mereka di-masokkan ka-sekolah2 satu minggu sa-lepas pembukaan penggal pertama tahun hadapan.

Juruchakap itu berkata, jumlah murid2 di-sekolah2 Melayu di-selu-roh negeri telah bertambah kapada lebih dari 20,000 orang, ini ter-masok 2,645 orang kanak2 yang di-masokkan ka-103 buah sekolah, awal tahun ini.

Kebanyakan dari murid2 baru itu datang-nya dari Daerah Bruni Muara, ini di-ikuti oleh Tutong sa-ramai 452 orang, Belait juga sa-ramai 452 orang dan Temburong seramai 113 orang.

Suntikan chegh kerongkong

KUALA BELAIT. — Jabatan Per-ubatan dan Kesihatan di-Kuala Be-lait telah memberikan suntikan ubat bagi mencegah penyakit kerongkong dose ketiga kapada kanak2 yang berumur ka-bawah 10 tahun di-30 buah kampung di-Ulu Belait, mulai 13 April lepas.

Ubat dose yang pertama dan ka-dua telah di-berikan kapada mere-ka dalam bulan September dan Oktober tahun lepas.

Jabatan tersebut menjalankan kempen memberikan suntikkan itu, berikutan berlaku-nya kejadian penyakit itu di-kalangan kanak2-di-kawasan itu.

34 orang guru pelateh akan mulakan kursus 2 Mei

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai tiga puluh empat orang guru pelateh akan memulakan kursus latehan perguruan di-Maktab Perguruan Brunei, di-Berakas pada hari Sabtu 2 Mei.

Guru2 pelateh itu akan di-bahagikan kapada dua, ia-itu bahagian aliran Melayu dan Inggeris.

Semasa latehan semua mereka akan menerima alau kerajaan sa-banyak \$180.00 bagi tahun2 yang pertama dan kedua, dan sa-banyak \$190.00 sa-bulan ba-gi tahun ketiga.

Alau itu akan di-potong sa-banyak \$60.00 sa-bulan, jika penuntut2 itu di-berikan tem-pat tinggal di-asrama.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 April 1970 hingga ka-hari Selasa 21 April 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
15 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	6-14
16 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	6-12
17 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	6-12
18 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	6-12
19 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	6-12
20 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	6-12
21 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



15hb. April, 1970.

**PANTANG KALAH
SA-BELUM
MENCHUBA**

MAKA berlepas-lah 18 orang pemain2 muda remaja kita untuk menguji kebolehan mereka dalam perlawanan bola sepak pemuda Asia yang di-jangka berlangsung mulai hari ini di-Manila.

Dan, sama ada sa-belum atau sa-telah pemuda2 kita itu meninggalkan tanah ayer untuk mengadu kekuatan dan kecekapan yang ada, maka ada-lah bukan perkara baru bagi kita tentang timbul-nya beberapa ramalan sama ada bersifat pro atau kontra terhadap kemungkinan pemuda2 harapan kita itu mencapai kejayaan yang gemilang.

Malah ada yang yakin akan kemenangan mereka kalau perlawanan itu di-jalankan di - atas padang di - bumi kita di-sini. Namun demikian tidak kurang juga yang yakin bahawa pemuda2 kita "ada harapan untuk menang" walau di-bumi mana mereka bertanding. Dan ada pula yang menyerahkan kepada nasib dan tuah.


Maka pada kesimpulan-nya dapat-lah kita berbangga tentang tebal-nya semangat pemain2 bola sepak kita yang sa-akan2 tidak mahu menyebut perkataan "kalah" sa-belum menchuba. Ini ada-lah merupakan "moral support" yang dapat di-hargai.

Tetapi, untuk membuat ukoran2 bagi menimbulkan ramalan2 yang tepat ada-lah amat sukar di-lakukan, terutama-nya atas sebab2 yang kita di-sini tidak pernah melihat permainan2 pasukan2 yang bakal bertemu dengan pasukan pemuda kita itu. Kerana itu tidak payah-lah di-gusarkan soal kemenangan atau kekalahan, tetapi yang harus kita sama2 berbangga ia-lah semangat yang di-tunjukkan oleh pemuda2 kita itu yang mempunyai kesanggupan untuk menguji kebolehan mereka. Dan di-samping itu mereka sa-chara tidak langsung akan dapat mempelajari taktik permainan yang lebih maju dengan melalui penonton dan pengalaman yang mereka rasai.

Kesanggupan pemuda2 kita itu telah di-sanjong tinggi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di-samping membekalkan nasihat2 yang kental untuk mereka agar sentiasa menyimpan semangat yang lebih besar atas dasar perlawanan sokan "pantang mengaku kalah sa-belum berlawan".

Di-samping itu juga, dengan penyertaan Brunei dalam Pesta Bola Sepak Pemuda Asia itu akan dapat menambahkan keharuman nama negara kita di-kalangan antara bangsa, kerana dengan penyertaan itu sekurang2-nya dapat mendekatkan pengenalan orang2 luar terhadap negara kita yang sedang menuju ka-arrah perkembangannya dewasa ini.

Suatu penghargaan yang bernilai ada-lah di-berikan kepada Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei yang telah melaksanakan usaha2 sedaya upayanya untuk menghantar pasukan pemuda Brunei itu, di-samping mengusahakan latihan2 yang telah di-laksanakan sa-lama dua minggu sa-belum mereka berlepas.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada ketua pasukan Awang Anuar bin Abdullah. Di-sebelah kiri ialah Pengiran Idris, salah sa-orang pegawai yang mengiringi pasukan Brunei itu.



Pemain2 bola keluar dari asrama Pusat Belia untuk menjalani latihan di-dewan itu.



Latihan chara2 membawa bola dan menghantar bola tepat kepada kawan.

**M.B. sanjong semangat pemuda
Brunei untuk choba kebolehan
dalam Pesta Bola Sepak
Pemuda Asia**

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyatakan rasa bangga beliau atas semangat pemuda Brunei untuk menguji kebolehan mereka di-perlawanan kejohanan bola sepak Asia yang di-jadualkan berlangsung hari ini di-Manila.

Beliau menekankan bahawa kesanggupan pemuda Brunei untuk turut bertanding dalam perlawanan pemuda antara bangsa, menemui negara2 yang antara-nya terkenal di-lapangan kemajuan sokan dunia, ada-lah merupakan satu gambaran betapa semangat dan kemahuan untuk maju yang telah di-tunjukkan oleh mereka.

Ini telah di-nyatakan beliau sa-jurus sa-belum menyampaikan bendera Brunei kepada pasukan itu di-satu upacara yang berlangsung di-lapangan terbang Berakas pagi semalam sa-belum rombongan itu bertolak meninggalkan tanah ayer.



Awang S. Liew Kee Soon Pengurus Pasukan.

Beliau menyeru pemain2 muda remaja itu supaya menchuba kebolehan mereka dengan penuh hati2 dengan tidak memikirkan yang mereka datang dari sa-buah negara yang kecil.

"Walaupun negeri kita Brunei sa-buah negara yang kecil, tetapi kita harus sama2 berbangga atas semangat dan kesanggupan yang kita tunjukkan yang tidak mahu ketinggalan dengan kemajuan2 yang di-chapai oleh negara2 lain", tegas beliau.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar akhir-nya menasihatkan pasukan pemuda Brunei itu supaya berhati2 dan berusaha pada menjaga dan meningkatkan imej Brunei di-luar negeri.

Pasukan Pemuda Brunei itu mengandungi 18 orang pemain dengan di-temani oleh empat orang pegawai dari Persatuan Bola Sepak Amateur Brunei yang terdiri dari Awang S. Liew Kee Soon (pengurus pasukan); Pengiran Idris bin Pengiran Shahbandar; Pengiran Haji Mohammad; Awang Abdul Karim bin Pukul.

Sa-lain dari Brunei, 15 buah negeri di-Asia akan menyertai perlawanan itu yang terdiri dari Burma, Ceylon, China, Kebangsaan Hongkong, Indonesia, Iran, Malaysia, Israel, Jepun, Korea Selatan, Filipina, Singapura, Thailand Laos dan Vietnam.

Dalam perlawanan itu Brunei telah di-masokan dalam kumpulan "A" yang akan bertemu dengan pasukan2 dari Thailand, Korea dan Hongkong.

Pemain2 Pemuda Brunei itu adalah terdiri dari Matzan bin Abdullah, Ak. Ghani, Annuar bin Abdullah, Mas Hamidin bin Pg Hashim, Mas Budin bin Buang, Tamat bin Budin, Yaakub bin Mohammad, Abdullah bin Haji Badar, Ayub bin Hamid, Yusof bin Salim, Pg. Othman, Ak. Jaludin bin Pg. Othman, Ak. Tajuddin bin Pg. Hashim, Mas Yose bin Abdul, Ibrahim bin Bakar, Rusli bin Naim dan Abd. Rahman bin Haji. Suhaili. Roshidi bin Awang.

Di-lapangan terbang pegawai2 telah di-hantar oleh pegawai2 Persatuan Bola Sepak Amateur Brunei, sa-ibu-bapa, sanak saudara dan sahabat2 mereka dengan iringan harapan semoga mereka mencapai kejayaan yang gemilang.




Pasukan Brunei yang mengandungi 18 orang dan empat orang pegawai bergambar ramai bersama2 dengan Menteri Besar Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof di-lapangan terbang Berakas.



Mendengar sharahan dari juru lateh Awang Mohammad Ismail tentang taktik serangan.



Berehat di-Asrama Pusat Belia.



Selain dari latihan chara2 taktik bermain, pemain2 itu juga menjalani latihan pergerakan badan di-Dewan Pusat Belia.



Pemain2 bola itu ketika menjalani latihan ujian tenaga.

PERLAWANAN TINJU ASIA: WAKIL BRUNEI MENANGI PINGAT GANGSA

BANDAR BRUNEI. — Wakil tinju Brunei, Awang Ahmad Rashid telah berjaya memenangi pingat gangsa dalam perlawanan Kejohanan Tinju Amateur Asia yang telah berlangsung di-Manila.

Awang Ahmad Rashid, johan tinju Borneo, yang hanya mewakili negeri ini ka-perlawanan itu telah memenangi pingat gangsa dalam bahagian light heavy weight.

Korea Selatan berjaya mendapat kejohanan berpasukan dengan memperolehi empat dari 11 pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa.

Jepun memenangi satu pingat emas, dua pingat perak dan empat pingat gangsa. Filipina memperolehi satu pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa.

Thailand memperolehi dua pingat perak dan enam gangsa, sementara Burma dan Indonesia, masing2 mendapat satu pingat perak dan satu gangsa.



Awang Ahmad Rashid

Bilek tambahan di-gunakan bulan depan

BERAKAS. — Bangunan bilek darjah baru di-Maktab Latehan Perguruan Brunei di-Berakas hampir2 siap pembinaannya dan ia-nya mungkin akan dapat di-gunakan bulan hadapan.

Ia-nya ada-lah sa-bahagian dari bangunan2 tambahan di-maktab tersebut yang di-perbesarkan, termasuk perubahan kapada bangunan lama yang ada sekarang.


Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, kerja2 bagi perubahan itu siap dalam bulan Januari tahun ini dengan menelan belanja kira2 \$150,000.

Pameran lukisan, pertukangan tangan

KUALA BELAIT. — Satu pertunjukan lukisan dan barang2 pertukangan tangan bagi murid2 di-sekolah2 rendah dan menengah Melayu Daerah Belait, akan di-adakan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria bulan hadapan.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa penganjur pertunjukan itu berkata, ia-nya akan di-bahagikan kapada dua, ia-itu kumpulan rendah dan menengah.

Kata-nya, tiga bahan pertunjukan yang terbaik sekali dalam tiap2 satu bahagian, akan di-pamerkan dalam pertunjukan perengkat akhir, dalam bulan June ini, di-Bandar Brunei.



Gambar atas menunjukkan salah satu dari tiga ekor ukiran burung yang di-perbuat dari tandok kerbau yang telah dibeli oleh Muzium Brunei.

Ukiran burung2 itu di-buat oleh Awang Rais bin Buang yang berasal dari Miri dan sekarang ini menetap di-Seria.

Ukiran2 itu akan menjadi salah satu bahan pameran yang akan di-pamerkan di-bilik pameran.

KEKAL anjorkan perlawanan Badminton

LAMBAK. — Persatuan Kebajikan Kampong Lambak akan mengadakan perlawanan badminton antara Persatuan2 Belia Daerah Brunei-Muara dan Temburong.

Peraduan yang pertamakalinya di-anjorkan oleh persatuan itu akan di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24, pada 15 Julai akan datang.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, tiap2 persatuan boleh menghantar tiga pasukan dalam perlawanan tiga per-sa-orangan dan dua beregu.

Persatuan2 Belia di-daerah Brunei-Muara dan Temburong yang ingin menyertai pertandingan itu, boleh-lah mendapatkan borang2 masuk dari Awang Abdul Rahim bin Mat Walli di-Radio Brunei dan daripada Awang Serudin bin Mohamad Tariff di-Pejabat Pegawai Daerah Temburong.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20 April ini.

27 orang chalun masuk pereksa City and Guilds

BANDAR BRUNEI. — Saramai 27 orang chalun akan mengambil peperiksaan Institute City and Guilds London yang akan di-adakan dari 19 Mei hingga 4 Jun tahun ini.

Peperiksaan itu akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Enam belas orang dari chalun2 itu ia-lah dari Daerah Brunei Muara dan 11 dari Belait.

Mata pelajaran ia-lah kursus juruteknik talikom dan latehan kejuruteraan letrik.

Perlawanan bola keranjang

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bola Keranjang Amateur Negeri Brunei akan mengadakan perlawanan bola keranjang kerana merebut Piala Harian Miri mulai 26 April.

Setia Usaha persatuan itu Awang Eli Bontiao berkata, keputusan mengadakan perlawanan ini di-chapai dalam satu mashuarat baru2 ini.

Perlawanan itu akan di-adakan di-dewan gimnastik Sekolah Chung Hwa, Bandar

Brunei.

Kata-nya, perlawanan itu ada-lah terbuka kapada jabatan2 kerajaan, persatuan2, sekolah2, sharikat2 dan pertubohan2 kebajikan di-Daerah Brunei dan Muara.

Setakat ini persatuan itu telah menerima 15 permohonan untuk menyertai pertandingan itu.

Belum lagi di-tetapkan sistem yang akan di-gunakan dalam perlawanan itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Jurukira

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 Jurukira di-Pejabat Perbendaharaan dan/atau di-Jabatan2 kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah mahir dalam sistem kira2 belanjawan atau Kerajaan terutama-nya dalam bidang Pengawasan Perbelanjaan, Unallocated and Allocated Stores and Stock Control, dan Kira2 Perniagaan. Mereka mesti - lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 kira - mengira - diperingkat penyelia selama sekurang2-nya 5 tahun dalam sa-sabua Jabatan Kerajaan, lembaga bandar yang besar atau pun sa-buah badan berkanun. Mempunyai kelayakan2 kira2 atau setiasa merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 — BS1020 x 40 — 1620; atau B2 EB3 — BS1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 — 1820. Gaji Permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sabanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei pada masa ini.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1970.

SA-BAGAI PENGELOLA PERKEMBANGAN BAHASA

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Pengelola Perkembangan Bahasa di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan pengalaman:

(a) (i) Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Tinggi dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu atau kelulusan yang sa-bandang dengan-nya; dan

(ii) Mempunyai Diploma yang di-akui oleh Kerajaan dalam sa-suatu perkara mengenai bahasa; atau

(iii) Mempunyai pengetahuan bahasa yang sa-bandang dengan-nya; atau

(b) (i) Mempunyai pengalaman dalam hal perkembangan bahasa sekurang2-nya selama lima tahun; dan

(ii) Mempunyai sa-suatu Diploma yang di-akui oleh Kerajaan yang berkaitan dengan perkembangan bahasa.

Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-sebutkan di-atas akan di-pertimbangkan juga sekira-nya kelulusan dan kebolehan-nya sesuai dengan pekerjaan yang akan di-tugaskan kapada-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB4 — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama enam bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 April, 1970.

Sa-bagai Aperintis

Tingkat II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Aperintis Tingkat II di-Bahagian Mesen Pejabat Perbendaharaan, Brunei.

Kelayakan2 dan pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan mesti-lah berumur antara 18 hingga 30 tahun.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 memelihara dan memperbaiki mesen2 taip dan mesen2 pejabat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa dikehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 23 April, 1970.

Sa-bagai Penolong Jurukira

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 Penolong Jurukira di-Pejabat Perbendaharaan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah telah tamat sekolah menengah dan mempunyai Certificate of Competency in Book-keeping R.S.A. Stage III atau kelayakan yang sa-bandang atau pun lulus peperiksaan Intermediate bagi kelayakan kira2 yang di-iktiraf atau pun mempunyai Diploma in Business Studies.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B1 — BS630 x 30 — 990. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof ketika di-perkenalkan kepada salah sa-orang pegawai yang mengiringi pasukan Brunei itu ka-Manila sa-jurus sa-belum mereka berlepas meninggalkan lapangan terbang. Di-kiri sekali ia-lah Awang Mohammad Ismail, juru lateh pasukan itu. Berita lanjut dan gambar2 di-muka tengah.

STPRI akan punyai 12 buah bilek darjah tambahan

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei akan mempunyai 12 bilek darjah tambahan apabila bangunan empat tingkat yang sedang dalam pembinaan siap dalam bulan Ogos tahun ini.

Bangunan itu ada-lah sa-bahagian dari tambahan kapada sekolah itu yang bertujuan untuk menampung bilangan murid2 yang semakin bertambah itu.

353 orang memohon untuk tunaikan haji

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei setakat ini telah mendaftarkan 353 orang yang ingin menunaikan fardhu haji dalam tahun depan.

Dari jumlah itu sa-ramai 195 orang memohon untuk pergi dengan kapal terbang dan 158 orang dengan kapal laut.

Pendaftaran yang di-mulakan dalam bulan lepas itu akan di-tutup pada 24 Mei hadapan.

Orang2 yang ingin menunaikan haji boleh-lah mendaftarkan nama mereka sama ada di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Brunei, Pekan Tutong, Kuala Belait atau Temburong.

Tambahan itu juga mengandungi dua buah makmal sains, sa-buah khutub khanah, bilek2 seni dan pertukangan tangan, sa-buah bilek jahit dan bilek urusan rumah tangga.

Apabila kompleks bangunan itu siap nanti penuntut2 yang sekarang belajar di-sekolah sementara akan pindah ka-bangunan baru itu.

Bangunan sementara itu akan di-roboh dan tapak-nya akan di-gunakan untuk pembinaan sa-buah rumah bagi pengetua sekolah itu.

Lain2 kerja dalam rangkaian tambahan itu termasuk satu blok asrama yang boleh menampung 104 orang dan tempat tinggal bagi dua orang penjaga asrama itu.

Termasuk dalam rangkaian tambahan itu ia-lah sa-buah dewan yang lengkap dengan pentas, bilek2 persalinan dan ruang bagi bermain bola tampar dan badminton.

Brunei punyai pegawai hutan yang berizajah

BANDAR BRUNEI. — Brunei akan mempunyai pegawai hutan-nya yang pertama berizajah apabila Awang Mahari bin Mohd, Said pulang katanah ayer dalam bulan Ogos hadapan setelah menjalani satu kursus berizajah dalam jurusan kehutanan tropika di Institute Penyelidikan Hutan di-Kepong, Malaysia Barat.

Lebih 20 orang memohon untuk masuk Maktab Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai dari Maktab Pertanian di-Malaysia Barat akan tiba di-sini untuk memuduga kira2 20 orang permohonan yang ingin mendapatkan

biasiswa untuk mengikuti kursus diploma di-maktab tersebut.

Lima orang dari calon2 itu akan di-pilih dan di-berikan biasiswa Kerajaan Brunei untuk masuk ka-maktab itu bagi tahun 1970/1971.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, tidak lebih dari lima tempat boleh di-dapati.

Juruchakap itu berkata, bagi menjalani kursus diploma selama tiga tahun itu, calon2 mesti-lah mempunyai sa-kurang2-nya Sijil Persekolahan Seberang Laut pangkat kedua atau Sijil Pelajaran Malaysia dengan kelulusan dalam Bahasa Kebangsaan, Inggeris dan kepujian dalam Ilmu Hisab.

Bagi kursus permulaan selama sa-tahun, calon2 itu mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan pangkat ketiga atau Sijil Pelajaran Malaysia dengan lulus bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Juruchakap itu menambahkan, keutamaan akan di-beri kapada calon2 yang mempunyai kelayakkan akedimek yang di-tetapkan dan mempunyai latar belakang luar bandar serta mempunyai kechen-derongan dalam pertanian.

Sa-telah tamat kursus permulaan itu, mereka boleh meneruskan pelajaran mereka bagi tahun pertama kursus diploma itu.



Awang Juna bin Kahar

Awang Juna bekas pekerja Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad Seria dan telah bersara sa-lepas berkhidmat selama 15 tahun.

Awang Juna mula2 telah di-chalunkan bagi memegang jawatan itu dalam satu perhimpunan yang telah di-adakan di-rumah bekas ketua kampung dalam bulan Disember tahun lepas.

Perhimpunan itu telah di-pengerusikan oleh Pengiran Idris bin Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Haji Mohammad, sa-orang pegawai pentadbir di-Pejabat Daerah Brunei-Muara.

Kelas H.S.C. aliran Melayu

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran akan mengadakan kelas Pelajaran Sijil Persekolahan Tinggi aliran bahasa Melayu di-Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara, di-Berakas akhir bulan ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran meminta sesiapa yang ingin belajar di-kelas tersebut supaya melaporkan diri kapada Che'gu Abdul Razak bin Mohammed di-sekolah itu.

Kedua2-nya di-jangka pulang katanah ayer dalam bulan Oktober.

Jabatan Kehutanan mengharapkan untuk memperolehi sa-orang lagi pegawai hutan yang berkelayakkan dalam tahun ini.

Awang Hafni bin Mohammed Salleh yang pada masa ini mengambil kursus bagi mendapatkan izajah kehutanan di-University Philipina, di-Manila di-jangka akan lulus izajah Sarjana Muda sains, bulan hadapan.